

Ahli Kekaumas jayakan ibadah qurban UMS

16.9.16 134


KOTA KINABALU: Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas) berjaya mengekalkan teknik ikatan satu kaki untuk menumbangkan binatang korban dalam Majlis Ibadah Qurban UMS yang diadakan di pekarangan Masjid UMS pada Selasa lepas.

Lebih 30 petugas korban daripada ahli Kesatuan telah diberikan amanah menjalankan kerja menumbang dan melapah daging berkenaan yang bermula pada jam 8.30 pagi dan berakhir tiga jam kemudian.

Petugas ibadah korban dari Kekaumas pada tahun ini telah diketuai dan diselaraskan oleh Timbalan Presiden Kekaumas Abdul Jalil Sapli.

Beliaudibantuoleh beberapa orang Exco yang terdiri daripada Rahmat Kasmin, Danan Haji Masalleh, Abdul Nawi Ngih, M Machdi Wismajaya, Saidin Haji Marjan dan Binik Majuril.

Abd Jalil gembira dengan kehadiran para petugas



AHLI Kekaumas menggunakan teknik ikatan satu kaki sahaja untuk menumbangkan binatang korban.

Kekaumas yang diamanahkan yang dengan cemerlang dapat menjalankan tugas yang diberikan.

“Mereka dapat menggunakan teknik mengikat satu kaki sahaja untuk

menumbangkan binatang korban,” katanya.

Katanya teknik berkenaan telah pun digunapakai pada tahun lalu dan para petugas telah mempunyai pengalaman yang terbaiksama

ada dalam menumbangkan binatang ataupun teknik melapah daging serta cara mengasingkan pembahagian daging korban.

Sementara itu, Pegawai Kanan Hal Ehwal Islam UMS



PETUGAS pelepahan daging korban sedang melapah daging di tempat khas di bangunan Masjid UMS.

Ustaz Razali Saibin berkata kerja teknik menumbang dan melapah oleh ahli Kekaumas memang diakui amat terbaik daripada semua pengurusan semenjak beberapa tahun yang lalu yang diketuai oleh Presidennya Amat Jutrah Haji Musnih yang mempunyai banyak pengalaman

berhubung ibadah korban di UMS.

Beliau amat berterima kasih kepada Amat Jutrah kerana pada tahun ini sekali lagi dapat diberikan kepercayaan untuk menguruskan ibadah korban itu walaupun tidak dapat bersama pada kali ini.

“Terima kasih juga saya

tujukan kepada semua staf Pusat Islam UMS serta pelajar UMS kerana telah memberikan kerjasama yang terbaik dalam menjalankan majlis berkenaan sehingga berjaya dilaksanakan,” katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah pegawai-pegawai kanan dan pelajar UMS.